

Konsul-Jeneral China di KK puji kecemerlangan UMS dalam akademik

DE 13/12/19 2

Sherell Jeffrey

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima pujian daripada Konsul-Jeneral China di Kota Kinabalu, Liang Caide, atas kecemerlangannya dalam pelbagai bidang akademik.

Katanya, UMS merupakan salah sebuah universiti terbesar di Malaysia Timur, yang cemerlang dalam sains marin, pertanian dan perhutanan dan mempunyai pusat penataran sains dan bahasa yang menawarkan peluang untuk pelajar mempelajari bahasa China.

Liang Caid berkata demikian semasa majlis pelancaran Institut Confucius di UMS yang dirasmikan oleh Menteri Pela-

jaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob, yang diwakili oleh Pembantu Menterinya, Mohammad Mohamarin, di sini, Khamis.

"Diharapkan UMS dan Changsha University of Science and Technology (China) akan menggunakan kepakaran mereka untuk Institusi Confucius dengan cemerlang," kata Liang Caide.

Institut Confucius di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Hanban, sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan China, secara rasmi dilancarkan di sini, pada Khamis.

Dengan kerjasama UMS dan Changsha University of Science and Technology (China), perjanjian penubuhan Institut terbabit secara rasmi ditandatangani antara UMS dan Hanban di ibu pejabat Institut Confucius di Beijing, pada 23 November, 2018.

Liang Caide berkata dengan pasukan

pergorekan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) juga bekerjasama mengenai penubuhan Institut Confucius di UMS, matlamat seterusnya adalah bagi institut terbabit menjadi sebuah institusi yang juga pakar dalam kejuruteraan dan teknologi.

"Dalam erti kata lain, peranan Institut Confucius di UMS bukan sahaja terhad kepada mengajar bahasa dan budaya China, tetapi juga menyediakan latihan dalam kejuruteraan dan teknologi untuk rakyat tempatan.

"Kerjasama seperti ini sudah pasti akan meningkatkan latihan kepakaran, yang juga akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya.

Katanya, ini khususnya memandangkan Sabah merupakan tempat penting untuk Laluan Sutera (Silk Road) di laut pada abad ke-21, dan menambah, ker-

jasama China – Sabah semakin bertambah sejak kebelakangan ini.

Pelancong China yang melawat Sabah tahun ini sahaja dijangka merekodkan enam juta orang, dengan penerbangan terus daripada Sabah ke bandaraya-bandaraya di China merekodkan sejumlah 120 penerbangan seminggu.

Katanya, pelaburan China di Sabah juga meningkat, termasuk penyediaan kemudahan asas, perumahan dan hartanah, penjanaan kuasa, komunikasi, pertanian, penternakan, hotel dan restoran, pelancongan dan pembuatan.

"Institut Confucius boleh dianggap sebagai satu lagi kerjasama penting antara China-Sabah.

"Saya berharap dapat menyaksikan lebih banyak kejayaan daripada Institut ini, saya harap bakat dan pelajar yang diasah oleh institut ini akan memberi manfaat kepada rakyat Sabah," katanya.

Ramalan Cuaca

